

ABSTRAK

NAILAH BINTI ISMAIL. *Al-Hawā* dalam Penyelewengan Akidah: Kajian di Kelantan. Tesis, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur, Malaysia, 2010.

Fitrah manusia dijadikan punya *al-Hawā* yang berperanan dalam mendorong manusia berkeinginan. Manusia berkeinginan untuk makan, minum, tidur, berpasangan dan sebagainya. *Al-Hawā* walaubagaimanapun berkecenderungan mendorong manusia ke arah kejahatan dengan menkesampingkan wahyu. Jika makan, *al-Hawā* ingin makan makanan yang lazat, mahal dan mewah sama ada daripada sumber yang halal atau tidak. Jika tidur, *al-Hawā* ingin tidur di kamar mewah beralaskan tilam empuk tanpa sebarang gangguan mengabaikan kefarduan solat. Jika berpasangan *al-Hawā* memilih pasangan yang cantik, berharta tanpa mengira akhlak dan agamanya. *Al-Hawā* suka mengikut cara sendiri dan menolak bimbingan wahyu. Manusia yang mengikut *al-Hawā* sentiasa melakukan kejahatan dan dosa sehingga sanggup menggadaikan akidahnya kerana mempertahankan *al-Hawa*. Kajian ini bertujuan untuk menyingkap konsep *al-Hawā* dalam perspektif Islam, mengkaji peranan yang dimainkan *al-Hawā* dalam mempengaruhi akidah dalam konteks sejarah Islam dan elemen-elemen *al-Hawā* yang terkandung dalam ajaran yang

menyeleweng di Kelantan. Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan yang mengumpulkan data-data konsep *al-Hawā* dalam perbicaraan Allah s.w.t sendiri, Nabi s.a.w dan yang dinukilkan oleh para ulamak di samping maklumat-maklumat yang berkaitan. Maklumat-maklumat ajaran yang menyeleweng di Kelantan diperolehi daripada JAHEAIK yang terlibat secara langsung dalam membanteras penyelewengan akidah di negeri ini. Kajian ini mendapati bahawa pengaruh *al-Hawā* terhadap penyelewengan akidah sangat efektif. Hasil analisis telah dapat mengenalpasti beberapa elemen *al-Hawā* yang terkandung dalam ajaran yang menyeleweng antaranya ialah mengaku dirinya menjadi tuhan berdasarkan keinginan *al-Hawā* untuk menjadi ketua, disanjung, dipuja dan diikuti, menolak kepercayaan terhadap malaikat, azab kubur dan Rasulullah s.a.w agar *al-Hawā*nya bebas melakukan apa sahaja keinginan tanpa rasa takut dicatat malaikat atau menerima azab kubur atau perlu mengikut perintah dan larangan Rasulullah s.a.w. *Al-Hawā* suka bebas, tidak suka dikongkong, tidak suka diarah tetapi suka mengarah, suka berehat-rehat dan bermalas-malas, sukakan kemewahan, keseronokan bersama wanita dan suka melawan apa sahaja suruhan wahyu dan melakukan larangan wahyu.

ABSTRACT

NAILAH BINTI ISMAIL. *Al-Hawā* in Faith Deviation: A Study in Kelantan.

Thesis, Kuala Lumpur: University of Malaya Kuala Lumpur, Malaysia, 2010.

Man is endowed with *al-Hawā* -a force that drives want or lust (at the extreme end) – which directs man’s cravings. Man needs to eat, drink, sleep, mate and the like. However *al-Hawā* drives man towards deviations of the norm and neglecting divine revelations. When it comes to eating, *al-Hawā* yearns for the rich, luxurious and the exotic, not-with-standing whether it is ‘halal’ or ‘haram’. When it comes to sleeping it craves for the best of the beddings and even to the neglecting of the ‘fardhu’ prayers. Likewise *al-Hawā* directs and indulges man into the worst carnal and sexual desires, if it comes to be with the most beautiful, wealthiest partner without caring for her religious or legitimate dispositions, much less her morality. *Al-Hawā* leans upon itself on its own desires and disregards revelation. And man who abides by his own *al-Hawā* always does the evils even as to do away with his religious convictions or guidance if any is left and adamantly defending his *al-Hawā*. This study focuses itself to the manipulation of *al-Hawā* upon man’s *al-Qalb*, leading to the deviation of the purity of faith especially in the state of Kelantan. The study narrows itself to the literary studies or library research and data collected,

concerning the subject matters related to the al-Mighty Allah Himself and the prophet Muhammad s.a.w and his teachings, done previously by the Islamic scholars, in addition to related information being obtained. And especially so it also is aided by the information related to the deviational teachings recorded by JAHEIK – a body directly involved in the eradicating of deviational teachings in Kelantan. This study comes to the conclusion that *al-Hawā* positively plays a distinctive and an effective role in the said deviational teachings in existence. The analysis confirms the negative influence being played by *al-Hawā*. Among the deviations found in the teachings propagates or even proclaiming their guru as god himself – confirming the cravings of *al-Hawā* wanting to be exalted, unreservedly followed and to the extent of disputing the beliefs in the angels, life after death, the barzakh and the prophet Muhammad s.a.w himself. These are to the effect that *al-Hawā*, as it always craves, is now free fully to do what it wishes to do without any iota of guilt and any fear of its accompanying end results. Thus the *al-Hawā* finds it no need what-so-ever to abide by the rulings of any, even of the prophet Muhammad s.a.w himself. *Al-Hawā* favors freedom – total freedom. It abhors directives yet exalts in giving orders, commands. It loves to relax, and be full of leisure. It lusts for luxury, sexual or otherwise. *Al-Hawā* will surely disregard any religious directives, any form of religious inclinations or commands even though rightly revealed. Thus this *al-Hawā* which absolutely controls the *al-Qalb*, clearly defeats the fragile power of *al-Aql*. Thus ignorance and servility cause man to digress forth from any form of Divine inspirations and commandments set upon mankind.

PENGHARGAAN

الحمد لله الذي أرسل رسوله بالهدى ودين الحق ليظهره على الدين كله ولو كره الكافرون. والصلاة والسلام على رسوله المصطفى سيدنا وحبيبنا وشفيعنا محمد ابن عبد الله وهو خاتم رسل الله والأنبياء وعلى آله وصحبه ومن تبعهم بإحسان إلى يوم ادين من الأولياء والصالحين.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi di atas inayah dan rahmatNya memberi keizinan kepada penulis untuk menyiapkan disertasi ini bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Usuluddin di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Dalam kesempatan ini penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pentadbiran Universiti Malaya Kuala Lumpur dan Nilam Puri yang memberi peluang kepada penulis untuk mengikuti program Ijazah Sarjana di Akademi Pengajian Islam bahagian Usuluddin Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali selaku penyelia yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada penulis untuk menyiapkan tugas ini. Jasa yang beliau curahkan tidak mampu penulis membalasnya selain dengan iringan doa semoga Allah s.w.t merahmati beliau sekeluarga.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih buat Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Penyelaras program Ijazah Sarjana Universiti Malaya di Nilam

Puri, para pensyarah yang banyak mencurahkan ilmu Profesor Madya Dr. Mohd Fauzi Hamat yang merupakan Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Profesor Madya Dr. Mohd Kamil Abdul Majid dan Dr. Che Zarina Sa'ari. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah lain yang turut melontarkan buah fikiran dan idea iaitu Dr. Faizuri dan Prof. Madya Dr. Khadijah Khambali.

Ucapan penghargaan turut ditujukan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan khususnya SS. Datuk Mufti yang sudi ditemuramah dan kaki tangan Jabatan Mufti yang menyambut baik kedatangan penulis dan Puan Noorlailawati bt Mamat, Penolong Pengarah Kanan Akidah dan Syariah di Bahagian Penyelidikan JAHEAIK yang sudi ditemuramah malah membantu penulis menyelidik bahan-bahan yang berkaitan kajian ini serta kaki tangan beliau di Bahagian Penyelidikan. Tidak lupa juga kepada informan yang bersedia memberikan maklumat kepada penulis.

Penulis juga ingin menghulur ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu iaitu Puan Wan Sayani Wan Mustapha, Puan Faridah Yusof, Encik Wan Farid Wan Yusof selaku ketua kelas sepanjang kursus dan rakan-rakan lain. Begitu juga terima kasih buat kakitangan Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan al-Malik Faisal, Perpustakaan Awam Kelantan, Perpustakaan Dar Nur a-Zahra' Kota Bharu, Perpustakaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Perpustakaan Maahad Tahfiz al-Quran MAIK yang banyak membantu mencari bahan-bahan rujukan.

Penghargaan dititipkan buat suami tercinta Wan Muhammad Abu Bakr Wan Ibrahim yang setia membantu dan banyak berkorban, memberi dorongan dan semangat kepada penulis untuk menyelesaikan disertasi ini. Terima kasih buat bonda tercinta, Puan Wan Fatimah Wan Adam. Jasa bonda tidak mampu anakanda balas dan al-Marhum ayahanda Ismail Awang yang mempusakakan kitab-kitab yang menjadi rujukan penulis dalam tempoh kursus dan penulisan disertasi ini. Tidak lupa juga kepada ayahanda dan bonda mertua Encik Wan Ibrahim Wan Jaafar dan Puan Wan Rohimah Wan Hassan yang turut menghulur sumbangan bahan rujukan yang banyak membantu penulis, Puan Wan Qamariah Wan Ibrahim serta suami, Encik Hasbullah Daud di atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan, Puan Samhani Ismail dan Encik Abir Abdul Patah, Encik Wan Syamsuri Wan Abdul Ghani dan Puan Fariza Abdul Rahman, serta seluruh ahli keluarga yang lain yang banyak memberi semangat dan motivasi.

Sesungguhnya jasa dan pengorbanan kalian semua banyak memberi sumbangan dalam penyediaan disertasi ini dan hanya Allah s.w.t yang mampu membalasnya. Semoga usaha kerdil ini akan memberi manfaat buat penulis dan seluruh muslimin dan muslimat dalam mengendalikan *al-Hawā* masing-masing di samping dapat menangani masalah penyelewengan akidah dalam kalangan umat Islam khususnya di negeri Kelantan.

Al-Faqīrah ilā Rabbihā,

NAILAH ISMAIL

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

Kuala Lumpur.

DAFTAR ISI

ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	viii
DAFTAR ISI	xii
TRANSLITERASI	xix
SENARAI KEPENDEKAN	xxi
SENARAI LAMPIRAN	xxiii

Bab Pertama

PENDAHULUAN

1.1. Latar belakang Kajian	2
1.2. Pengertian Tajuk	9
1.3. Skop Kajian	12
1.4. Rasional Kajian	13
1.5. Kajian-kajian Lepas	15
1.6. Objektif Kajian	22
1.7. Kepentingan Kajian	23
1.8. Metodologi	25
1.9. Susunan Kajian	28

Bab Kedua
KONSEP AL-HAWĀ

2.1. Hakikat Kejadian Manusia	
2.1.1 Unsur Penciptaan dan Kejadian Manusia	31
2.1.2 Tujuan Penciptaan Manusia	34
2.1.3 Tabiat manusia	36
2.1.4 Kemuliaan dan Kehinaan Manusia	41
2.2. Definisi <i>Al-Hawā</i>	43
2.3. <i>Al-Hawā</i> dalam al-Qur'an	51
2.4. <i>Al-Hawā</i> dalam al-Hadith	57
2.5. <i>Al-Hawā</i> dan <i>al-Nafs</i>	
2.5.1. Definisi <i>al-Nafs</i>	64
2.5.2. Hubungan <i>al-Hawā</i> dan <i>al-Nafs</i>	66
2.6. <i>Al-Hawā</i> dan <i>al-Syahwah</i>	
2.6.1. Definisi <i>al-Syahwah</i>	71
2.6.2. Hubungan <i>al-Hawā</i> dan <i>al-Syahwah</i>	72
2.7. <i>Al-Hawā</i> dan <i>al-'Aql</i>	
2.7.1 Definisi <i>al-'Aql</i>	73
2.7.2 <i>Al-'Aql</i> dalam al-Qur'an	77

2.7.3	<i>Al-'Aql</i> dalam al-Hadith	83
2.7.4	Hubungan <i>al-Hawā</i> dan <i>al-'Aql</i>	86
2.8. <i>Al-Hawā</i> dan <i>Al-Qalb</i>		
2.8.1.	Definisi <i>al-Qalb</i>	89
2.8.2.	<i>Al-Qalb</i> dalam al-Qur'an	93
2.8.3.	<i>Al-Qalb</i> dalam al-Hadith	98
2.8.4.	Hubungan <i>al-Hawā</i> dan <i>al-Qalb</i>	101
2.9. Antara <i>al-Hawā</i> , <i>al-'Aql</i> dan <i>al-Qalb</i>		
2.9.1	Pendahuluan	102
2.9.2	Sumber <i>al-Hawā</i>	103
2.9.3	Sumber <i>al-'Aql</i>	105
2.9.4	Kompetitif <i>al-Hawā</i> dan <i>al-'Aql</i>	106
2.10. Penguasaan <i>al-Hawā</i> Terhadap Manusia		
2.10.1.	Cintakan duniawi	109
2.10.2.	Hidup tanpa sebarang peraturan	109
2.10.3.	Sentiasa bermegah dengan diri sendiri	109
2.10.4.	Membesarkan <i>al-Ghaḍab</i>	110

Bab Tiga

***Al-HAWĀ'*: PERANAN DAN PENGARUHNYA DALAM PENYELEWENGAN AKIDAH DI KELANTAN**

3.1.	Pendahuluan	113
3.2.	Definisi Akidah	115
3.3.	Akidah Islam	118
3.4.	Penyelewengan Akidah	
3.4.1	Pendahuluan	122
3.4.2	Istilah Penyelewengan Akidah	122
3.4.3	Kriteria Penyelewengan Akidah	129
3.4.4	Penyelewengan Akidah di Kelantan	
3.4.4.1	Sejarah Perkembangan	130
3.4.4.2	Bentuk-bentuk Penyelewengan Akidah	133
3.4.4.3	Ciri-ciri Ajaran Menyeleweng di Kelantan	134
3.4.4.4	Tindakan Penguatkuasaan	137
3.5.	<i>Al-Hawā'</i> dalam Penyelewengan Akidah	
3.5.1	Pendahuluan	138
3.5.2	Perspektif al-Qur'an	140
3.5.3	Perspektif al-Hadith	143
3.5.4	Perspektif Sejarah	
3.5.4.1	Pendahuluan	147

3.5.4.2	Sāmiriy	149
3.5.4.3	Aswad al-Ansiy	152
3.5.4.4	Ṭulaiḥah al-Asadiy	157
3.5.4.5	Musaylamah al-Kadhdhāb	159
3.5.5 <i>Al-Hawā</i> dalam Penyelewengan Akidah di Kelantan		
3.5.5.1	Pendahuluan	163
3.5.5.2	Pengakuan diri menjadi Tuhan	164
3.5.5.3	Keengganan beriman dengan malaikat	166
3.5.5.4	Dakwaan diri sebagai nabi dan utusan tuhan dan penolakan keimanan terhadap Nabi Muhammad s.a.w.	166
3.5.5.5	Pendustaan terhadap Allah s.w.t dan RasulNya	167
3.5.5.6	Penafian konsep dosa dan azab kubur	169
3.5.5.7	Pengubahsuaian pelaksanaan ibadat mengikut cita rasa sendiri	169
3.5.5.8	Dakwaan memiliki keistimewaan	172
3.5.5.9	Keharusan pergaulan lelaki dan wanita bukan mahram	175
3.5.5.10	Ketamakan terhadap harta kekayaan	177
3.5.5.11	Kegelojohan untuk merasai nikmat syurga	179
3.5.5.12	Pemisahan diri daripada ikatan peraturan	180

Bab Empat

ANALISIS *AL-HAWĀ* DALAM PENYELEWENGAN AKIDAH DI KELANTAN

4.1	Pendahuluan	183
4.2	Analisis	
4.2.1	Mengaku diri menjadi Tuhan	184
4.2.2	Menolak keimanan terhadap malaikat	189
4.2.3	Mengingkari keimanan terhadap Nabi Muhammad s.a.w	193
4.2.4	Mendakwa diri sebagai nabi dan utusan Tuhan	197
4.2.5	Menolak kepercayaan terhadap dosa	199
4.2.6	Menolak kepercayaan terhadap azab kubur	203
4.2.7	Meninggalkan ibadat wajib	206
4.2.8	Menganggap mudah pelaksanaan ibadat	208
4.2.9	Menghalalkan pergaulan lelaki dan wanita bukan mahram	212
4.2.10	Membebaskan diri daripada terikat dengan peraturan	217
4.2.11	Mengumpul harta kekayaan	218
4.2.12	Mendakwa diri dan pengikut mempunyai keistimewaan	221
4.2.13	Menginginkan cara mudah dan cepat untuk ke syurga	224
4.2.14	Mengamalkan sifat takabbur	227
4.2.15	Menyelubungkan diri dengan kejahilan	230

4.3.	Kesimpulan	232
------	------------	-----

Bab Lima

PENUTUP

5.1.	Kesimpulan	235
5.2.	Cadangan	
5.2.1.	Kerajaan	239
5.2.2.	Masyarakat	240
5.3.	Penutup	241
	Bibliografi	244
	Lampiran	256

TRANSLITERASI ARAB- LATIN

Sistem transliterasi yang digunakan dalam kajian ini kebanyakannya adalah berdasarkan sistem yang diperkenalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Berikut adalah keterangan sistem tersebut :

KONSONEN

ا	:	a	ط	:	ṭ
ب	:	b	ظ	:	ẓ
ت	:	t	ع	:	'
ث	:	th	غ	:	gh
ج	:	j	ف	:	f
ح	:	ḥ	ق	:	q
خ	:	kh	ك	:	k
د	:	d	ل	:	l
ذ	:	dh	م	:	m
ر	:	r	ن	:	n
ز	:	z	و	:	w
س	:	s	ه	:	h
ش	:	sy	ي	:	y
ص	:	s	ة	:	t
ض	:	ḍ			

VOKAL PENDEK

_____ ا a

_____ و u

_____ ي i

VOKAL PANJANG

ا ā

و ū

ي ī

DIFTONG

اَ وُ _____ aw

اَ يَ _____ ay

اَ وُ _____ uww

اَ يَ _____ iy/i

SENARAI KEPENDEKAN

ABIM	:	Angkatan Belia Islam Malaysia
a.s	:	'Alahi al-Salām
bil.	:	bilangan
c.	:	cetakan
Dr.	:	Doktor
<i>et al.</i>	:	Pengarang lain
H	:	hijrah
h.	:	halaman
<i>Ibid</i>	:	(Latin ibiden), rujukan karya, artikel dan lain yang sama dengan
ISA	:	Akta Keselamatan dalam Negeri
JAHEAIK	:	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
JAKIM	:	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
km ²	:	Kilometer persegi
M	:	Masehi
MAIK	:	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
<i>op. cit</i>	:	(Latin opera, citato), karya yang telah disebut sebelumnya, diselangi dengan satu karya lain.
PhD	:	(Doctor of Phillosphy), Doktor Falsafah
r.a	:	Raḍiallāhu Anhu atau Anhā
s.a.w	:	Ṣallallāhu 'Alaihi wa Sallam

s.w.t	:	Subḥānahu wa Ta'ālā
Sdn. Bhd.	:	Sendirian Berhad
SS.	:	Ṣāhib al-Samāḥah
t.t	:	Tanpa tahun
t.t.p	:	Tanpa tempat penerbit
terj.	:	Terjemahan
YADIM	:	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Peta Negeri Kelantan

Lampiran B : Kertas Kerja JAHEAIK- Laporan Ajaran Sesat Terkini Negeri Kelantan

Tahun 2000

Lampiran C : Kertas Kerja JAHEAIK - Senarai Ajaran yang Telah diFatwakan

Negeri Kelantan

Lampiran D : Kertas Kerja JAHEAIK - Ajaran Sesat yang Masih Aktif di Malaysia

(Laporan 2009)

Lampiran E : Ajaran Sesat yang Masih Aktif, Tidak Aktif dan Kurang Aktif di

Malaysia (Laporan 2000)

Lampiran F : Laporan Akhbar Berita Harian

Lampiran G : Laporan Akhbar Kosmo